



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KICK OFF PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM)

TERENGGANU, 25 Jun – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT) telah melancarkan *Kick Off* Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM). Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara di Muzium Negeri Terengganu, Bukit Losong, Terengganu.

Program IPIM fokus dengan penglibatan aktif pelajar dan guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) sejarah melalui pendekatan yang lebih interaktif menggunakan koleksi dan artifak muzium. Guru diberi ruang untuk melaksanakan PdP di muzium, manakala pelajar diberi peluang berbentuk pendedahan langsung terhadap bahan maujud yang memperkukuh pemahaman mereka dalam mata pelajaran Sejarah.

Sejak cadangan awal pada 2014 dan projek rintis pada 2015, IPIM telah berkembang dengan pelaksanaan secara atas talian sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Pada tahun 2024, sejumlah 21 sekolah dengan 714 pelajar dan 117 guru telah menyertai IPIM secara fizikal di 19 buah muzium Persekutuan. Pada 2025, program ini melibatkan 41 buah muzium di seluruh Malaysia dengan penglibatan lebih 1680 pelajar dan 164 guru dari murid Tahun 4 hingga Tingkatan 6 serta siswa Institut Pendidikan Guru.

Program ini dijalankan melalui lima sesi utama bermula dengan taklimat daripada kurator muzium, PdP oleh guru, lawatan ke galeri berpandu, sesi pengukuhan dan refleksi yang berlangsung selama 2 hingga 4 jam mengikut saiz muzium.

YB Senator Puan Saraswathy Kandasami berkata “**Program ini secara jelas membuktikan komitmen Kementerian Perpaduan Negara, dan semua muzium yang terlibat untuk terus memperkasakan fungsi dan peranan institusi permuziuman negara setaraf dengan praktis muzium-muzium lain di dunia yang menjadikan muzium sebagai platform pendidikan tidak formal.**”

Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YB Datuk Razali bin Idris, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Negeri Terengganu, YBrs. Dr. Mohd Azam bin Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme), Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia dan Tuan Haji Mohd Iskandar bin Muhammad Aziz, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

**Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara**

25 Jun 2025

JMM.100-9/1/7 (2)